




Anak-anak B40 Ceria Ke Sekolah

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	7

Page Location



Anak-anak B40 Ceria Ke Sekolah

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Inisiatif TNB tampil bantu sedia kelengkapan asas persekolahan

Memulakan sesi persekolahan yang baharu biasanya menjadi pengalaman yang menggembirakan dan mengujakan.

Namun, bagi sesetengah keluarga, terutama yang berada dalam kategori berpendapatan rendah, sesi persekolahan hadir dengan seribu cabaran.

Manakan tidak, untuk menyediakan beg sekolah, alat tulis dan sekurang-kurangnya sepasang pakaian seragam sudah cukup membebankan, belum lagi dikira kos pengangkutan dan duit belanja setiap anak yang bersekolah.

Namun, apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) tampil membantu keluarga B40 dan e-Kasih dengan menyediakan kelengkapan asas sekolah untuk anak-anak mereka menerusi Program Ceria Ke Sekolah (CKS), maka ramailah yang mampu menarik nafas lega.

Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, berkata, pihaknya memahami cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menyediakan keperluan pendidikan anak-anak, terutamanya dalam keadaan

ekonomi yang mencabar.

Dengan adanya program seperti CKS ini, menurutnya TNB bukan sahaja dapat membantu dari segi material, tetapi juga memberi harapan dan keyakinan kepada anak-anak untuk terus menuntut ilmu tanpa rasa rendah diri.

"Hal ini penting kerana pendidikan adalah aset paling utama dalam memastikan masa depan yang lebih cerah bagi generasi muda, yang bakal merajui masa depan demi memajukan masyarakat dan negara," katanya.

Mungkin kelihatan tidak seberapa namun bantuan ini sebenarnya dapat memberi kelegaan yang besar kepada keluarga serta menyuntik semangat dan minat belajar dalam kalangan anak-anak.

Bagi ibu bapa yang terbahit, bantuan TNB menerusi program CKS ini cukup bermakna buat mereka terutamanya yang bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi.

Suri rumah dari Kupang, Kedah, Siti Noraini Sulaiman bersyukur kerana program ini sedikit sebanyak meringankan beban mereka sekeluarga.

"Tahun ini, tiga orang anak saya bersekolah. Jadi memang banyak nak guna duit.

"Bantuan dari TNB ini memang meringankan beban kami, lebih-lebih lagi apabila suami tak dapat bekerja sebab kemalangan. Syukur, lega sikit nak uruskan semua," katanya.

Bagi Lim Ciao Hao, 32, sumbangan kelengkapan sekolah ini sangat membantu dalam menyediakan kelengkapan persekolahan bagi kedua-dua anaknya.

"Terima kasih TNB kerana meringankan beban dan menceriakan sesi persekolahan anak-anak saya," katanya.

Seorang lagi suri rumah, Nur Amelyna Kamaruzaman amat berharap agar bantuan melalui program CKS ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Dengan sumbangan ini, saya percaya anak-anak akan dapat belajar dengan selesa. Dapat baju dan kasut baru. Semoga dia gembira dalam kelas nanti."

"Bagus juga kalau TNB dapat teruskan program CKS, dapat bantu mengurangkan beban ibu bapa," katanya.

Sementara itu, Yang Di-

pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK AU Keramat, Datuk Muhammad Nazari Osman menyifatkan program ini sangat bermanfaat dan berharap sekolahnya dapat dipilih lagi pada masa akan datang.

"Tahun ini 100 orang, kami berharap lebih ramai lagi pelajar dari golongan B40 dapat menerima bantuan ini," katanya.

Bagi komuniti, program tahunan CKS ini banyak membantu mengurangkan jurang pendidikan antara golongan kaya dan miskin, memperkasa pelajar dari keluarga B40 agar lebih bersedia menghadapi cabaran akademik serta meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap syarikat korporat dalam menyumbang kepada kesejahteraan sosial.

Manakala bagi TNB pula, program ini memantapkan imejnya sebagai peneraju dalam inisiatif pembangunan komuniti dan pendidikan, mempererat hubungan dengan masyarakat dan pihak berkepentingan, serta memperkukuh keyakinan rakyat terhadap projek dan inisiatif syarikat.

Selain itu, inisiatif ini juga selaras dengan prinsip ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) yang menjadi panduan TNB dalam menjalankan tanggungjawab korporatnya dengan lebih berkesan.

Malah, program CKS ini selaras dengan prinsip Malaysia MADANI di bawah teras Naturiah (Care & Compassion), yang menekankan keprihatinan terhadap masyarakat kurang berkemampuan.

Di samping itu, dengan semangat MADANI dan nilai keprihatinan yang tinggi, TNB juga terus komited dalam membawa perubahan positif kepada masyarakat.

Inisiatif murni melalui program Ceria Ke Sekolah ini bukanlah sekadar bantuan, tetapi juga satu pelepasan untuk masa depan negara yang lebih gemilang, dengan melahirkan modal insan yang berilmu, berdaya saing dan berdaya juang.

Better, Brighter bukan sekadar slogan TNB, tetapi itulah juga prinsip yang memandu setiap usaha kami dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat di negara ini.



"Bantuan dari TNB ini memang meringankan beban kami, lebih-lebih lagi apabila suami tak dapat bekerja sebab kemalangan. Syukur, lega sikit nak uruskan semua"

Siti Noraini Sulaiman



"Terima kasih TNB kerana meringankan beban dan menceriakan sesi persekolahan anak-anak saya"

Lim Ciao Hao



"Bagus juga kalau TNB dapat teruskan program CKS, dapat bantu mengurangkan beban ibu bapa"

Nur Amelyna Kamaruzaman



INISIAFIF murni melalui program Ceria Ke Sekolah bukan sekadar bantuan, tetapi juga satu pelaburan untuk masa depan negara lebih gemilang dengan melahirkan modal insan berilmu, berdaya saing dan berdaya juang

» INFO

● Program CKS menyokong modal insan dengan menyediakan keperluan asas persekolahan pelajar golongan B40 dan e-Kasih supaya mereka dapat belajar dengan lebih selesa dan yakin.

● Sejak 2013 sehingga 2024, CKS memberi manfaat kepada 79,565 keluarga di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan perbelanjaan berjumlah RM12.7 juta.

● Tahun ini, TNB memperuntukkan lebih RM1 juta untuk CKS, membabitkan 66 lokasi termasuk yang terkesan oleh banjir serta lokasi strategik projek dan pemasangan utama TNB.